

# UPM julang piala skuasy berpasukan

## Kejohanan Skuasy Berpasukan IPT 1Malaysia

→ Program kerjasama YR1M, Persatuan Raket Skuasy Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi.

→ Dilancarkan pada 27 November 2014.

→ Program tahun ini berlangsung selama empat hari.

→ Tahun ini, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, UM, UPM, INTI, Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman dan UiTM Perak menghantar penyertaan lebih daripada sebuah pasukan.

**Kuala Lumpur:** Universiti Putra Malaysia (UPM) mengungguli Kejohanan Skuasy Berpasukan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 1Malaysia yang diadakan di Pusat Skuasy Nasional, Bukit Jalil di sini, baru-baru ini.

Pasukan juara yang menampilkan Mohd Amir Farhan Ampandi sebagai kapten, Gurshan Singh dan Mithila Tamilarasan, menerima hadiah wang tunai RM1,500, plak serta piala pusingan eksklusif tajaan Yayasan Rakyat 1Malaysia (YR1M).

Kejohanan yang disertai 27 pasukan dari 14 IPT itu menyaksikan

pasukan UPM berjaya menundukkan INTI International University & Colleges (INTI) 2-1 pada saingan akhir.

Gurshan memungut mata pertama untuk UPM apabila mengatasi Bryan Lim 11-7, 11-3, 9-11, 11-8, namun INTI berjaya menyamakan kedudukan selepas Lee Ka En mencatat kemenangan 9-11, 6-11 ke atas Mithila.

### Semangat berpasukan

Piala rebutan akhirnya menjadi milik UPM setelah Mohd Amir Farhan menewaskan Alvin Chai 11-8, 11-7, 11-9.

Mohd Amir berkata,

keutuhan semangat berpasukan membantu pasukan mereka mengetepikan pencabar pilihan, termasuk Universiti Malaya (UM) yang turut diwakili pemain kebangsaan, Mohd Addeen Idrakie Bahtiar, pada peringkat separuh akhir.

"Penghargaan juga harus diberikan kepada pengurus pasukan, Dr Yap Wing Fen, dan ahli Kelab Skuasy UPM yang banyak membakar semangat kami untuk terus melakar kejayaan," katanya.

Sementara itu, pasukan UM meraih tempat ketiga dengan membenamkan Universiti Sunway 2-0.



Pasukan UPM bangga merangkul gelaran juara.